

D140

U B738 AAB
MAHATHIR - KEMALANGAN (ULANGAN DENGAN MEMBUANG PARA 5) R.R.R

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- JAWATANKUASA KABINET MENGENAI KESELAMATAN JALAN RAYA, DALAM MESYUARAT PERTAMANYA HARI INI, TELAH MENETAPKAN MATLAMAT UNTUK MENGURANGKAN JUMLAH KEMALANGAN SEBANYAK 30 PERATUS DARIPADA KADAR SEKARANG MENJELANG TAHUN 2000.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG HEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU, BERKATA KERAJAAN BERPENDAPAT PERATUSAN YANG DIMATLAMATKAN ITU ADALAH REALISTIK DAN SEBANYAK \$20 JUTA AKAN DIBELANJAKAN SETIAP TAHUN BAGI TUJUAN BERKENAAN.

+WALAUPUN MUNGKIN ADA YANG AKAN MENGANGGAP PERATUS ITU TIDAK BEGITU BESAR, PENGALAMAN DI NEGARA-NEGARA LAIN MENUNJUKKAN BAHAWA ADALAH SUKAR UNTUK MENGURANGKAN KEMALANGAN, + KATANYA DALAM SATU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MESYUARAT ITU.

TURUT MENGHADIRI MESYUARAT YANG BERJALAN SELAMA MASA LEBIH DUA JAM ITU IALAH MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK SERI DR LING LIONG SIK, MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT, MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK NAPSIAH OMAR, DAN KETUA CAWANGAN TRAFIK PERSEKUTUAN, PENOLONG PESURUHJAYA HAJI KAMARUDDIN HAMZAH.

MENURUT HAJI KAMARUDDIN, JUMLAH KEMALANGAN JALAN RAYA PADA TAHUN LEPAS IALAH 75,626, YANG MENGAKIBATKAN 3,090 ORANG TERKORBAN. JAWATANKUASA KABINET ITU TELAH DITUBUHKAN PADA 4 APRIL LEPAS. -- LAGI
1314MST 30 04 90

D136

U B737 AAB
MAHATHIR - KEMALANGAN 2 KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MATLAMAT KERAJAAN ITU AKAN HANYA TERCAPAI SEKIRANYA ORANG RAMAI MEMBERI KERJASAMA DAN MEMAHAMI LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN.

+SUDAH TENTU LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN INI AKAN SEDIKIT SEBANYAK MENJADI BEBAN KEPADA RAKYAT DAN ORANG RAMAI PERLULAH BERKORBAN.

+KALAU KITA TIDAK SANGGUP BERKORBAN, KITA TIDAK MUNGKIN BERJAYA DALAM USAHA MENGURANGKAN KEMALANGAN, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL MUNGKIN TIDAK POPULAR DI KALANGAN RAKYAT, TETAPI IA PERLU DILAKSANAKAN BAGI MENJAMIN KESELAMATAN ORANG RAMAI.

KATANYA, KERAJAAN MENGANGGAP KADAR KEMALANGAN JALAN RAYA DI NEGARA INI SEKARANG SEBAGAI AMAT TINGGI DAN LANGKAH-LANGKAH SEGERA PERLU DIAMBIL. -- LAGI

1303MST 30 04 90

D160

U B743 AAB
MAHATHIR - KEMALANGAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAJIAN AKAN DIBUAT UNTUK MENGADAKAN DENDA KOMPAUN MANDATORI BAGI MENGGALAKKAN ORANG RAMAI MEMBAYAR DARIPADA MEMBAWA KES-KES BERKENAAN KE MAHKAMAH YANG AKAN MENGAMBIL MASA DAN MELIBATKAN PERBELANJAAN, TAMBAH BELIAU.

KATANYA, PADA MASA SEKARANG TERDAPAT KIRA-KIRA 88,000 KES TRAFIK DI MAHKAMAH YANG MASIH BELUM DIBICARAKAN.

+INI BERMAKNA SETIAP SATU KES YANG BARU MUNGKIN MENUNGGU BERTAHUN-TAHUN LAMANYA SEBELUM MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN, + KATANYA. BELIAU JUGA BERKATA KADAR KOMPAUN SEKARANG ADALAH RENDAH DAN MENAMBAH TERDAPAT PESALAH-PESALAH DALAM KES KEMALANGAN JALAN RAYA YANG MENYEBABKAN KEMATIAN YANG HANYA DIKENAKAN DENDA \$1,000 MANAKALA BAGI KES YANG DIBAWA KE MAHKAMAH, BELANJA PEMBIAYAAN KES LEBIH TINGGI DARIPADA DENDA YANG DIKENAKAN.

KAJIAN JUGA AKAN DIBUAT UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA PARA PEMANDU YANG MEMBERI ALAMAT YANG SALAH KETIKA DISAMAN AKAN DIKIRA SEBAGAI SATU KESALAHAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

1357MST 30 04 90

D164

U B745 AAB
MAHATHIR - KEMALANGAN 4 KUALA LUMPUR

BAGI MENINGATKAN PARA PEMANDU MENGENAI HAD LAJU DAN BAHAYA DI JALAN RAYA, PAPAN-PAPAN TANDA AKAN DITAMBAH DAN AMARAN HAD LAJU AKAN DITULIS ATAS JALAN RAYA ITU SENDIRI, KATANYA.

DI SAMPING ITU, KAMERA-KAMERA BAGI MENGESAN MEREKA YANG MEMANDU DENGAN BAHAYA AKAN DIADAKAN DENGAN SEBERAPA BANYAK YANG BOLEH DAN RONDAAN DI LEBUH RAYA AKAN DIPERTINGKATKAN; TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

PEMBAHAGI JALAN AKAN DIBINA DI JALAN-JALAN RAYA YANG BERLIKU DAN KERJA-KERJA MEMBESAR JALAN-JALAN BERKENAAN AKAN DILAKSANAKAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN AKAN MENGENAKAN HUKUMAN, SEPERTI MENARIK BALIK LESEN-LESEN MEMANDU, DENGAN LEBIH TEGAS LAGI.

BILANGAN KAKITANGAN POLIS, JABATAN PENGANGKUTAN JALAN DAN KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM AKAN DITAMBAH MENURUT KEPERLUAN MASING-MASING.

SISTEM JANGKA AMARAN KELAJUAN BAGI KENDERAAN BERAT, YANG DIJALANKAN TIDAK LAMA DAHULU, AKAN DILAKSANAKAN KEMBALI DAN KERAJAAN AKAN MENENTUKAN BAHAWA ALAT YANG DIGUNAKAN TIDAK BOLEH DIUSIK. --
LAGI

1416MST 30 04 90

D165

U B746 AAB
MAHATHIR - KEMALANGAN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI KADAR BAYARAN TOL DI NEGARA-NEGARA LAIN BAGI MENENTUKAN KADAR YANG LEBIH SESUAI UNTUK MENGGALAKKAN PEMBINAAN JALAN-JALAN RAYA YANG BAIK DINEGARA INI.

KERAJAAN JUGA BERCADANG MENGHAPUSKAN DUTI IMPORT BAGI ALAT-ALAT MEREKOD PERJALANAN ATAU +TACHOMETER+ SUPAYA PARA PEMILIK KENDERAAN BERAT AKAN DAPAT MEMASANG ALAT-ALAT BERKENAAN DAN MEMBUAT PENILAIN SENDIRI TERHADAP PARA PEMANDU MEREKA.

JAMBATAN-JAMBATAN BAGI MENIMBANG MUATAN LORI AKAN DITAMBAH BAGI MEMASTIKAN LORI TIDAK MEMBAWA MUATAN YANG BERLEBIHAN.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP RAKYAT AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA USAHA-USAHA KERAJAAN ITU DAN TIDAK MELAYANI MEREKA YANG AKAN MEMBURUKKAN USAHA-USAHA BERKENAAN.

BELIAU YAKIN USAHA-USAHA KERAJAAN ITU AKAN DIJADIKAN ISU POLITIK OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA. --
BERNAMA

1418MST 30 04 90